Prospek dan Dasar pada Tahun 2024

2024: EKONOMI TERUS BERKEMBANG MESKIPUN BERDEPAN DENGAN RINTANGAN

Pertumbuhan global yang mampan dalam keadaan inflasi yang terus menurun

Pada tahun 2024, pertumbuhan global dijangka kekal mampan (Rajah 2.1). Rintangan daripada dasar monetari yang terus ketat dan penamatan sokongan fiskal dijangka akan ditampung oleh beberapa faktor sokongan seperti inflasi yang terus menurun, pasaran pekerja yang berdaya tahan dan perdagangan global yang kembali pulih.

Rajah 2.1: Pertumbuhan KDNK Benar dan Perdagangan Peringkat Global



a Anggaran
r Ramalan

Nota: 1. Pertumbuhan global berwajaran PPP ialah agregat pertumbuhan global mengikut wajaran pertukaran pariti kuasa beli (*purchasing power parity,* PPP), iaitu kadar mata wang sesebuah negara yang perlu ditukar kepada mata wang negara lain untuk membeli jumlah barangan dan perkhidmatan yang sama di setiap negara.
2. Pertumbuhan global berwajaran eksport Malaysia ialah agregat rakan perdagangan utama Malaysia mengikut wajaran bahagian masing-masing dalam eksport Malaysia. Ukuran pertumbuhan global ini lebih mencerminkan eksport dan prospek pertumbuhan Malaysia.

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Di ekonomi maju, meskipun permintaan dalam negeri lebih berdaya tahan daripada yang dijangkakan pada tahun 2023, tanda-tanda permintaan berkurang adalah jelas. Pasaran pekerja yang ketat telah bertambah baik secara beransur-ansur, dengan lebihan simpanan semakin berkurangan. Oleh itu, permintaan dalam negeri dijangka menjadi perlahan pada separuh pertama tahun 2024 berikutan kesan terlat (*lagged*) pengetatan dasar monetari. Sebaliknya, separuh kedua tahun 2024 mungkin akan bertambah baik secara beransur-ansur apabila kesan terlat pengetatan dasar monetari mulai reda.

Kebanyakan ekonomi serantau dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh pada tahun 2024, disokong oleh perdagangan global yang kembali pulih. Selain itu, permintaan dalam negeri dijangka kurang terkekang kerana tahap pengetatan monetari dan tekanan inflasi adalah jauh lebih rendah berbanding dengan ekonomi maju utama. Sementara itu, pertumbuhan China pada tahun 2024 dijangka menjadi perlahan. Pasaran harta tanah akan terus menjadi punca ketara kelemahan pertumbuhan, lantas mengekang sentimen pengguna dan perbelanjaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di China akan disokong oleh perdagangan global yang kembali pulih, bidang pertumbuhan baharu[1] serta dasar monetari dan fiskal yang mengembang, termasuk sebahagian besar daripada terbitan bon kerajaan berjumlah RMB1 trilion.[2]

Pertumbuhan perdagangan global dijangka kembali pulih pada tahun 2024 (2.9%–3.4%; 2023: 0.4%), didorong oleh peningkatan kitaran teknologi global, pemulihan berterusan dalam aktiviti pelancongan dan asas yang rendah dari tahun 2023. Peningkatan kitaran teknologi global diunjurkan akan didorong oleh kitaran penggantian

[1] Merujuk pengeluaran dan jualan produk berkaitan hijau iaitu kenderaan elektrik, bateri litium dan sel solar.
[2] Dana tersebut akan digunakan untuk pelaburan infrastruktur, dengan tumpuan pada pembinaan semula selepas bencana dan pencegahan bencana. Dana tersebut juga secara tidak langsung akan mempermodal semula instrumen pembiayaan kerajaan tempatan (local government financing vehicle, LGFV) dan bank-bank tempatan yang mudah terjejas oleh sebab tanggungjawab pelaburan infrastruktur yang telah beralih kepada kerajaan pusat.

barangan elektronik pengguna dan pembetulan dalam inventori global berikutan syarikat menambah stok yang semakin berkurang. Faktor struktur akan memberikan sokongan selanjutnya, termasuk permintaan yang meningkat untuk kenderaan elektrik, automasi perindustrian, dan penggabungan kecerdasan buatan dalam barangan pengguna dan perindustrian. World Semiconductor Trade Statistics (WSTS) mengunjurkan jualan semikonduktor global berkembang sebanyak 13.1% pada tahun 2024 (2023: −8.2%). Permintaan global yang mampan juga dijangka menyokong pengembangan eksport barangan bukan elektrik dan elektronik (bukan E&E), khususnya jentera dan peralatan, petrokimia serta kenderaan. Sementara itu, ketibaan pelancong global sudah hampir menyamai tahap sebelum pandemik menjelang akhir tahun 2023.[3] Namun, kadar pemulihan kekal beransur-ansur bagi rantau Asia Pasifik yang dibuka semula kemudian dan secara lebih berhati-hati. Walau bagaimanapun, ketibaan pelancong global berada pada landasan pemulihan ke tahap sebelum pandemik menjelang tahun 2024, disokong oleh peningkatan kapasiti penerbangan yang berterusan, baki permintaan perjalanan yang terpendam dan pemulihan pelancongan yang lebih baik di Asia. Meskipun kitaran teknologi global meningkat dan pelancongan semakin pulih, perdagangan global terus berhadapan dengan rintangan yang berlarutan. Hal ini berpunca daripada sekatan perdagangan yang sedang berlaku, peralihan perbelanjaan daripada barangan kepada perkhidmatan yang berterusan dan gangguan perkapalan di Laut Merah. Oleh itu, pertumbuhan perdagangan global akan kekal di bawah purata jangka panjangnya (purata 2011–19: 3.7%) meskipun pemulihan dijangka kukuh.

Inflasi global dijangka terus berkurang pada tahun 2024, didorong terutamanya oleh disinflasi dalam kalangan ekonomi maju kerana beberapa ekonomi sedang pesat membangun[4] mengalami trend kadar inflasi di bawah purata jangka panjang. Hal ini dijangka memberikan ruang kepada bank-bank pusat utama untuk mula melonggarkan dasar monetari pada tahun 2024. Disinflasi dalam kalangan ekonomi maju akan disokong oleh pasaran pekerja yang kurang ketat dan kesan pindahan (*pass-through*) daripada penurunan harga komoditi yang berlaku sebelum ini. Harga makanan global diunjurkan terus menurun kerana keadaan bekalan dijangka kekal mencukupi. Walau bagaimanapun, purata harga tenaga global diunjurkan lebih tinggi meskipun kekal di bawah harga tertinggi pada tahun 2022, susulan pemotongan tambahan secara sukarela oleh pengeluar minyak global utama. Tekanan inflasi terhadap harga komoditi boleh diburukkan oleh konflik geopolitik yang berpanjangan dan pertambahan kesan buruk daripada keadaan cuaca El Niño yang boleh mengganggu pengeluaran makanan dan rantaian bekalan, lantas menimbulkan risiko inflasi menjadi lebih tinggi.

Trajektori dasar monetari oleh bank-bank pusat utama berkemungkinan akan terus menjadi faktor utama yang mempengaruhi keadaan pasaran kewangan global pada tahun 2024. Disebabkan tekanan inflasi telah menunjukkan tanda-tanda semakin menurun secara meluas, bank-bank pusat di ekonomi maju utama telah memberikan isyarat bahawa kadar dasar mungkin telah mencapai tahap tertinggi. Walaupun pendirian dasar monetari global yang ketat mungkin berlanjutan sekiranya inflasi kekal tegar, bank-bank pusat global juga telah menzahirkan niat untuk melonggarkan dasar monetari apabila trajektori inflasi mula tertumpu pada sasaran masing-masing. Berlatarkan keadaan ini, magnitud dan kepantasan pelonggaran dasar monetari hanya akan menjadi lebih jelas apabila kekukuhan permintaan asas dan sejauh mana inflasi berlarutan dapat dipastikan. Yang penting, ketidakpastian berhubung dengan trajektori pelonggaran dasar monetari global boleh menjadi sumber volatiliti, terutamanya jika perbezaan jangkaan antara bank pusat dengan peserta pasaran kewangan semakin meluas.

Sekiranya Federal Reserve Amerika Syarikat (US Fed) memulakan kitaran pelonggaran dasar monetarinya, perbezaan kadar hasil antara Amerika Syarikat (AS) dengan ekonomi lain yang semakin mengecil antara lainnya boleh mengurangkan kekukuhan dolar AS yang diperhatikan sejak tahun 2022. Hal ini boleh mendorong pengimbangan semula portfolio aset kepada ekonomi sedang pesat membangun. Pengimbangan ini seterusnya berpotensi untuk menghasilkan prospek aliran modal yang lebih menggalakkan untuk ekonomi di rantau ini.

Prospek pertumbuhan global kekal bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan

Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan terhadap prospek global boleh berpunca daripada beberapa

[3] Menurut Tourism Barometer United Nations World Tourism Organisation (UNWTO) (Januari 2024), ketibaan pelancong antarabangsa telah mencapai 88% daripada tahap sebelum pandemik pada tahun 2023.

[4] Hal ini merujuk ekonomi Asia sedang pesat membangun iaitu China, India, Thailand, Indonesia dan Vietnam.

faktor. Inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan boleh menyebabkan kadar faedah terus tinggi untuk tempoh yang lebih lama dan mengurangkan perbelanjaan pengguna. Inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan boleh berpunca daripada kenaikan harga komoditi yang tidak dijangka dan pertumbuhan upah yang lebih kukuh daripada jangkaan. Selain itu, kadar yang tinggi bagi tempoh yang lebih lama di negara maju, ditambah pula dengan tekanan berterusan dalam sektor perbankan dan limpahan daripada kelembapan ekonomi China, boleh menyebabkan keadaan kewangan menjadi ketat secara mendadak, termasuk dalam ekonomi sedang pesat membangun. Kesan terlat (*lagged impact*) yang lebih besar daripada jangkaan bagi kenaikan kadar sedia ada boleh mencetuskan kemelesetan di negara-negara maju. Di samping itu, ketegangan geopolitik yang semakin meruncing di Timur Tengah dan Ukraine boleh mengganggu rantaian bekalan dan perdagangan global, serta mencetuskan volatiliti pasaran kewangan dan kenaikan harga komoditi. Hubungan AS-China yang semakin buruk juga boleh menyebabkan perpecahan perdagangan yang berlanjutan di seluruh dunia. Sebaliknya, kemungkinan pertumbuhan global lebih tinggi boleh terjadi disebabkan oleh perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh daripada jangkaan dalam ekonomi maju dan sokongan fiskal di China.

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4% hingga 5% pada tahun 2024, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran

Pertumbuhan ini akan didorong terutamanya oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan, dengan sokongan tambahan yang berpunca daripada pemulihan eksport yang dijangkakan. Pertumbuhan tenaga pekerja dan upah yang berterusan akan terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka semakin baik. Aktiviti pelaburan akan didorong oleh projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, dengan sokongan daripada pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah pelan-pelan induk negara.

Aktiviti perdagangan dijangka pulih secara beransur-ansur seiring dengan pemulihan perdagangan global. Eksport kasar dijangka berkembang (2024*r*: 5%, 2023: -8%), didorong oleh pemulihan perdagangan global dan peningkatan kitaran teknologi yang menyokong

Rajah 2.2 Pertumbuhan KDNK Benar Malaysia



a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

eksport E&E dan bukan E&E, serta harga komoditi lebih tinggi yang menyokong eksport komoditi. Import kasar yang menguncup pada tahun 2023 juga diunjurkan akan meningkat. Hal ini disebabkan terutamanya oleh import barangan perantaraan yang lebih tinggi dan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh bagi barangan penggunaan, di samping pengembangan import barangan modal yang berterusan seiring dengan pertumbuhan pelaburan. Pemulihan perjalanan antarabangsa yang selanjutnya diunjurkan akan memacu pertumbuhan dalam sektor berkaitan pelancongan. Yang penting, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) menyasarkan 27.3 juta ketibaan pelancong pada tahun 2024,[5] melepasi paras pada tahun 2019 iaitu sebanyak 26.1 juta orang (2023: 20.1 juta). Keadaan ini akan didorong oleh rangkaian penerbangan yang bertambah baik dan langkah-langkah oleh Kerajaan, seperti aktiviti promosi pelancongan di luar negara yang lebih rancak serta perjalanan bebas visa selama 30 hari untuk warganegara dari China dan India. Selanjutnya, perbelanjaan keseluruhan yang lebih tinggi dan pelancong dari pelbagai negara juga akan meningkatkan aktiviti pelancongan untuk tahun ini.

Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Perbelanjaan isi rumah diunjurkan akan berkembang pada kadar yang lebih pantas (2024*r*: 5.7%, 2023: 4.7%) disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang semakin baik berikutan pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi dan bantuan bersasar oleh Kerajaan. Hal ini sebahagiannya dapat mengurangkan kesan kos sara hidup yang lebih tinggi,

[5] '*Tourism Malaysia yakin dapat mencapai sasaran ketibaan pelancong asing sebanyak 27.3 juta pada tahun 2024*', Bernama, 11 Februari 2024.

pelaksanaan cukai barangan bernilai rendah (*low-value goods,* LVG), serta kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (*sales and services tax,* SST) terhadap perbelanjaan isi rumah. Pelaburan swasta dijangka bertambah baik (2024*r*: 6.1%, 2023: 4.6%), disokong oleh projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan serta usaha berterusan dalam automasi dan pendigitalan dalam keadaan kapasiti yang terus mengembang. Yang penting, perkembangan projek yang diluluskan dalam beberapa tahun kebelakangan ini berjalan dengan lancar, dengan 74% daripada projek perkilangan yang diluluskan dari tahun 2021 hingga 2023 telah dilaksanakan pada pelbagai peringkat. Pelaburan awam yang berterusan dalam projek pengangkutan dan infrastruktur digital berskala besar juga akan menyokong pertumbuhan, di samping usaha pembaharuan berterusan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan ekosistem pelaburan dan pelaksanaan inisiatif di bawah pelan induk strategik. Sebagai contoh, projek pemangkin di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR) seperti Carbon Capture and Storage (CCS) Kasawari oleh PETRONAS, projek fotovoltan (PV) Hibrid Solar Terapung Hidro (HHFS) oleh Tenaga Nasional Berhad dan pemasangan stesen pengecasan Kenderaan Elektrik (Electric Vehicle, EV) yang diterajui oleh Gentari yang sedang dijalankan akan terus menyokong pelaburan jauh melebihi tahun 2024.

Penambahbaikan keadaan pasaran pekerja akan terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Guna tenaga akan terus berkembang, dengan trend pertumbuhan menghampiri purata jangka panjangnya, disokong oleh permintaan pekerja yang berterusan berikutan pemulihan yang sedang berlaku dalam sektor yang berkaitan dengan pelancongan dan aktiviti perdagangan luaran. Ditambah dengan pengembangan tenaga kerja yang berterusan, kadar pengangguran dijangka stabil sekitar purata jangka panjangnya iaitu 3.3%. Selaras dengan pertumbuhan guna tenaga yang berterusan dan aktiviti pengeluaran yang lebih kukuh untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat, upah juga dijangka terus meningkat pada tahun 2024.

Prospek pertumbuhan kekal bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Dari segi luaran, risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan dan konflik geopolitik yang semakin meruncing lantas boleh menjejaskan prestasi perdagangan Malaysia. Di dalam negeri, kejutan yang lebih teruk terhadap pengeluaran komoditi akibat cuaca buruk dan penyelenggaraan medan yang berpanjangan boleh menjejaskan prospek pertumbuhan. Meskipun pelaksanaan rasionalisasi subsidi dapat memberikan tekanan terhadap pertumbuhan, hal ini sebahagiannya dapat diimbangi oleh bantuan tunai bersasar daripada Kerajaan. Sementara itu, risiko pertumbuhan menjadi lebih tinggi didorong terutamanya oleh limpahan yang lebih besar daripada peningkatan kitaran teknologi, aktiviti pelancongan yang lebih giat, serta pelaksanaan projek pelaburan sedia ada dan baharu yang lebih pantas.

Inflasi keseluruhan dijangka berpurata antara 2% hingga 3.5% pada tahun 2024, sebahagian besarnya mencerminkan potensi kenaikan yang disebabkan oleh rasionalisasi subsidi dalam negeri

Pada tahun 2024, inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana berikutan tekanan kos yang terkawal. Syarikat menghadapi tekanan kos pengeluaran yang lebih rendah susulan keadaan bekalan global yang semakin baik kerana tekanan kos keseluruhan daripada harga komoditi global yang lebih tinggi sebahagian besarnya telah reda, dan harga dijangka terus menurun. Hal ini berkemungkinan akan menyebabkan kesan pindahan kos yang lebih beransur-ansur, lantas kos pengeluaran dalam negeri terus dapat dikawal. Di samping itu, kesan penurunan nilai tukaran ringgit terhadap inflasi akan terurus, kerana kesan ini dihadkan sebahagiannya oleh harga yang ditadbir dan amalan penetapan harga syarikat yang agak stabil. Namun, perubahan cukai dan pelarasan tarif utiliti yang telahpun dilaksanakan atau dijadualkan berlaku pada tahun 2024 dijangka memberikan kesan yang sedikit terhadap inflasi keseluruhan pada tahun 2024. Kesan langsung adalah minimum kerana barangan yang terjejas susulan perubahan dua dasar ini hanya mencakupi sebahagian kecil daripada kumpulan IHP.[6] Selain itu, perubahan kadar cukai pula tidak melibatkan segmen perkhidmatan utama seperti makanan dan minuman. Walaupun sedikit tekanan mungkin timbul secara tidak langsung daripada kos logistik yang lebih tinggi, kesannya dijangka tidak meluas.

Inflasi teras juga dijangka sederhana pada tahun 2024, meskipun kekal melebihi purata jangka panjangnya. Hal

[6] Indeks Harga Pengguna (IHP) ialah penerbitan bulanan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang membentangkan statistik kos pembelian 13 kumpulan utama barangan dan perkhidmatan. Kumpulan ini konsisten dengan pengelasan mengikut 'Classification of Individual Consumption According to Purpose' (COICOP) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. IHP Malaysia dihimpunkan berdasarkan harga yang dikumpulkan sama ada secara bulanan (untuk semua barangan) atau secara mingguan (untuk barangan makanan tidak tahan lama). Sewa dikumpulkan sekali setiap suku tahun.

ini demikian berikutan pengembangan berterusan dari segi permintaan dalam negeri, dan ditambah pula dengan kadar upah yang dijangka terus meningkat. Walau bagaimanapun, tekanan menaik terhadap inflasi asas dijangka terkawal kerana wujudnya tekanan permintaan yang terhad dan sentimen jangka pendek yang stabil terhadap keadaan ekonomi. Selain itu, kenaikan upah yang sederhana yang sejajar dengan pertumbuhan produktiviti juga akan mengehadkan tekanan kenaikan inflasi asas.

Oleh itu, inflasi keseluruhan dan inflasi teras pada tahun 2024 masing-masing diunjurkan berpurata antara 2% hingga 3.5% dan antara 2% hingga 3%. Julat unjuran yang lebih besar ini telah mengambil kira beberapa kemungkinan kenaikan kadar inflasi yang boleh timbul susulan pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api.

Prospek inflasi kekal amat bergantung pada risiko peningkatan disebabkan oleh faktor dasar dalam negeri dan pengaruh luaran. Di dalam negeri, potensi pelarasan harga barangan keperluan akan mendorong kenaikan harga barangan yang terlibat, terutamanya barangan yang berkaitan dengan tenaga dan makanan. Yang ketara, prospek inflasi bergantung pada kemungkinan

Rajah 2.3: Inflasi Keseluruhan di Malaysia, Perubahan Tahunan (%)



r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Inflasi Teras di Malaysia, Perubahan Tahunan (%)



r Ramalan

Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

pelarasan terhadap subsidi bahan api secara menyeluruh. Berikutan bahagian bahan api yang besar dalam kumpulan IHP, pelarasan harga bahan api akan secara langsung menyebabkan kenaikan inflasi keseluruhan. Kesan langsung daripada pelarasan harga bahan api sekali sahaja ini dijangka luput dalam tempoh setahun apabila kesan asas berkurang. Walau bagaimanapun, tahap risiko kenaikan inflasi akan bergantung pada kesan pindahan (*knock-on effects*) pelarasan dasar, iaitu syarikat menaikkan harga untuk menampung kenaikan kos, lantas menyebabkan tekanan harga yang lebih meluas pada barangan lain. Selain itu, dinamik upah-harga juga boleh mewujudkan risiko kebarangkalian yang kecil terhadap inflasi (*tail risk to inflation*), meskipun risiko kesan pusingan kedua sedemikian dinilai sebagai kecil di Malaysia kerana kenaikan gaji adalah selaras dengan pertumbuhan produktiviti.

Meskipun demikian, kesan jangka pendek rasionalisasi subsidi bahan api terhadap inflasi dan pertumbuhan juga akan bergantung pada jumlah dan masa pelarasan harga tersebut. Selain itu, skop bantuan bersasar[7] yang diberikan seiring dengan rasionalisasi subsidi juga adalah penting kerana bantuan itu akan mengurangkan kesan kos yang lebih tinggi terhadap golongan yang mudah terjejas berikutan peralihan tersebut.

Dari segi faktor luaran, perkembangan kadar pertukaran dan harga komoditi global mampu memburukkan lagi tekanan kos terhadap inflasi. Yang nyata, segmen yang sensitif terhadap harga import seperti makanan dan pengangkutan akan mencatatkan kesan yang lebih ketara daripada pindahan kadar pertukaran. Selain risiko melalui pindahan kadar pertukaran, tekanan kenaikan inflasi makanan juga mungkin berpunca daripada risiko lain yang berlarutan seperti ketegangan geopolitik dan gangguan cuaca. Meskipun demikian, risiko penurunan inflasi akan berpunca terutamanya daripada pertumbuhan global yang lebih lemah, memandangkan hal ini mungkin menjejaskan harga komoditi lalu menyebabkan tekanan kos.

Keadaan monetari dan kewangan domestik kekal kondusif bagi aktiviti pengantaraan kewangan

Susulan meredanya kesan kenaikan OPR terhadap kadar faedah borong dan runcit, keadaan monetari dan kewangan domestik dijangka kekal kondusif bagi aktiviti pengantaraan kewangan lantas menyokong

[7] Termasuk pindahan tunai kepada isi rumah melalui Sumbangan Tunai Rahmah (yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2024) dan program *fleet card* untuk sektor pengangkutan (diumumkan oleh Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil pada 31 Januari 2024).

pertumbuhan ekonomi. Aliran kredit dijangka kekal menggalakkan pada tahun 2024 berikutan pasaran modal yang berfungsi dengan baik dan kesediaan bank-bank untuk terus memberikan pinjaman. Penampan mudah tunai dan modal bank-bank yang utuh juga akan membantu memastikan bekalan kredit yang mampan bagi membiayai aktiviti penggunaan dan pelaburan. Dari segi permintaan, pengembangan aktiviti ekonomi yang berterusan dan keadaan guna tenaga yang bertambah baik dijangka menyumbang kepada permintaan terhadap pembiayaan yang berterusan, terutamanya untuk isi rumah dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Berikutan keadaan kewangan global yang terus reda, terutamanya apabila bank-bank pusat di ekonomi maju mula melonggarkan pendirian dasar monetari, perbezaan kadar hasil antara ekonomi maju dengan ekonomi sedang pesat membangun dijangka mengecil. Berlatarkan keadaan ini, ekonomi sedang pesat membangun termasuk ekonomi serantau dijangka menerima manfaat daripada aliran masuk modal apabila pelabur mengimbangkan semula portfolio mereka. Walaupun kadar hasil MGS dijangka kekal rendah sejajar dengan kebanyakan kadar hasil global, kekukuhan dolar AS yang mungkin menurun (disebabkan kadar dasar yang dijangka lebih rendah di AS) mampu merangsang pulangan kadar pertukaran yang lebih tinggi, seterusnya meningkatkan jumlah pulangan bon domestik. Sementara itu, keyakinan berterusan pelabur global dan juga perkembangan yang stabil bagi projek infrastruktur utama dijangka terus menyokong momentum ekuiti Malaysia yang dilihat positif sejak awal tahun 2024. Oleh itu, usaha untuk mencapai kemajuan yang bermakna dalam pembaharuan ekonomi Malaysia dan usaha menyeluruh hubungan pelabur adalah penting bagi menarik aliran masuk modal kerana sebarang kelewatan atau penangguhan pelaksanaan dasar akan menjejaskan sentimen pelabur.

Meskipun prospek pertumbuhan Malaysia adalah positif, paras ringgit semasa berada di bawah nilai saksama. Walaupun cabaran yang wujud dalam pasaran global telah menyebabkan volatiliti jangka pendek dalam nilai ringgit, pasaran kewangan menjangkakan tekanan terhadap ringgit akan berkurang kerana ketidakpastian yang mereda dalam persekitaran luaran. Persekitaran ini termasuk trajektori dasar monetari global dan pertumbuhan rakan kongsi serantau yang kukuh. Hal ini juga dijangka menyokong ringgit dan mencerminkan asas ekonomi Malaysia dengan lebih tepat.

Sebarang kesan limpahan yang buruk daripada pasaran kewangan global terhadap keadaan kewangan domestik dan kadar pertukaran akan kekal terurus. Ekonomi Malaysia mampu mengharungi kejutan luaran berikutan daya tahan yang dimiliki seperti yang ditunjukkan oleh, antara lain, kedudukan pemiutang luar bersih, tahap hutang luar negeri yang terurus dan lebihan akaun semasa. Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) terus memantau perkembangan dan memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem kewangan domestik untuk menyokong fungsi pasaran kewangan domestik yang teratur dan memastikan ringgit kekal stabil. Selain menjalankan operasi pertukaran mata wang asing, BNM dan Kerajaan mengambil tindakan yang selaras untuk memastikan aliran yang berterusan ke dalam pasaran pertukaran asing. Bagi mencapai tujuan ini, BNM telah mempertingkatkan libat urus dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies, GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Investment Companies, GLIC) untuk menggalakkan penghantaran balik dan penukaran pendapatan pelaburan asing mereka kepada ringgit dengan lebih konsisten. BNM juga menggiatkan libat urus dengan pelabur antarabangsa untuk menonjolkan prospek positif dan daya tarikan yang dimiliki Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan dan perniagaan yang berdaya maju.

Dasar monetari akan kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan serta memastikan persekitaran kestabilan harga

Setelah kembali ke paras sebelum pandemik pada tahun 2023, dasar monetari pada tahun 2024 akan memberikan tumpuan pada mengekalkan pendirian dasar monetari yang kondusif untuk pertumbuhan yang mampan serta pada masa yang sama menguruskan risiko berhubung dengan inflasi.

Inflasi yang sederhana dan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada tahun 2024 menyediakan landskap yang sesuai untuk pelaksanaan beberapa dasar utama seperti yang diumumkan oleh Kerajaan. Pelaksanaan dasar ini termasuk usaha Kerajaan untuk memperluas dan mempelbagaikan asas hasil, rasionalisasi subsidi dan dasar dalam negeri lain seperti dasar gaji progresif. Memandangkan tahap potensi perubahan yang akan dilaksanakan serta sebarang langkah mitigasi yang berkaitan, MPC akan terus menilai cara faktor-faktor ini akan memberikan kesan pada dinamik inflasi dan keadaan permintaan.

Melangkaui dasar dalam negeri, MPC juga prihatin terhadap risiko prospek kenaikan inflasi, termasuk harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan. Meskipun pertumbuhan dijangka meningkat pada tahun 2024, prospek pertumbuhan kekal bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan. Prospek ini termasuk permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan dan penurunan pengeluaran komoditi yang lebih besar. Namun begitu, risiko pertumbuhan menjadi lebih tinggi juga boleh berlaku, yang didorong oleh limpahan positif peningkatan kitaran teknologi, aktiviti pelancongan yang lebih giat daripada jangkaan, dan pelaksanaan projek sedia ada dan baharu yang lebih pantas.

MPC menyasarkan untuk memastikan pendirian dasar monetari yang menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa prospek inflasi dan pertumbuhan, didorong oleh potensi perubahan dasar dalam negeri dan persekitaran luaran yang mencabar. Berikutan tahap ketidakpastian ini, MPC kekal berwaspada terhadap perkembangan yang sedang berlaku dan implikasinya terhadap keseimbangan risiko berhubung dengan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Permintaan dalam negeri kekal sebagai teras pertumbuhan

Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2024 dijangka disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan pemulihan eksport. Perbelanjaan isi rumah diunjurkan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan program bantuan Kerajaan yang berterusan. Aktiviti pelaburan dijangka disokong oleh pelaksanaan projek berbilang tahun secara berterusan dalam sektor swasta dan awam, serta inisiatif pemangkin di bawah pelan induk negara. Pelaburan juga akan disokong oleh pelaksanaan pelaburan yang baru diluluskan, baik asing mahupun dalam negeri. Sektor luaran dijangka meraih manfaat daripada perdagangan global yang lebih baik dan pemulihan selanjutnya dalam aktiviti pelancongan.

Penggunaan swasta diunjurkan meningkat sebanyak 5.7% pada tahun 2024 (2023: 4.7%) disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang terus bertambah baik. Pertumbuhan guna tenaga dijangka terus berkembang, disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap pekerja. Kadar pengangguran diunjurkan berkurang kepada 3.3%. Sementara itu, pertumbuhan pendapatan diunjurkan akan didorong oleh upah yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Langkah-langkah Kerajaan, termasuk peluasan Sumbangan Tunai Rahmah dan pembayaran insentif awal kepada penjawat awam, juga dijangka menyokong perbelanjaan isi rumah.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) dijangka berkembang sebanyak 6.2% (2023: 5.5%). Pertumbuhan yang lebih tinggi didorong oleh peningkatan pelaburan struktur serta jentera dan kelengkapan (*machinery and equipment,* M&E) untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah. Projek-projek pemangkin dan bidang tumpuan di bawah pelan induk utama negara (iaitu Pelan Induk Perindustrian Baharu (New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR[1])) dijangka memberikan sokongan kepada aktiviti pelaburan. Hal ini termasuk projek infrastruktur serta pelaburan dalam industri seperti E&E, kimia, farmaseutikal, bahan termaju, tenaga boleh diperbaharui dan kenderaan elektrik. Tambahan pula, pelaksanaan pelaburan yang diketengahkan di bawah pelan-pelan induk ini akan mengambil masa selama beberapa tahun, sekali gus memberikan kesan limpahan positif yang berterusan kepada ekonomi pada masa hadapan.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2015=100)

	2023*a*	2023*a*	2024*r*	2023*a*	2024*r*
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan Dalam Negeri[1]	**94.1**	**4.8**	**5.4**	**4.4**	**5.1**
Perbelanjaan Sektor Swasta	76.2	4.7	5.8	3.6	4.4
Penggunaan	60.8	4.7	5.7	2.8	3.5
Pelaburan	15.5	4.6	6.1	0.7	1.0
Perbelanjaan Sektor Awam	17.8	5.1	4.0	0.9	0.7
Penggunaan	13.3	3.9	3.2	0.5	0.4
Pelaburan	4.6	8.6	6.2	0.4	0.3
Pembentukan Modal Tetap Kasar	20.1	5.5	6.2	1.1	1.2
Perubahan dalam Stok	**1.2**			**-0.1**	**-0.7**
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	**4.7**	**-11.3**	**2.1**	**-0.6**	**0.1**
Eksport	66.3	-7.9	4.0	-5.9	2.6
Import	61.6	-7.6	4.1	-5.3	2.5
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**100.0**	**3.7**	**4.0 - 5.0**	**3.7**	**4.0 - 5.0**

[1] Tidak termasuk stok

a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[1] Terdapat sepuluh projek pemangkin utama di bawah NETR, merangkumi enam pemacu peralihan tenaga utama, iaitu kecekapan tenaga, tenaga boleh baharu, hidrogen, bioenergi, mobiliti hijau, serta pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon. Projek-projek ini dijangka menarik pelaburan bernilai melebihi RM25 bilion.

Pelaburan swasta diunjurkan meningkat sebanyak 6.1% (2023: 4.6%). Pertumbuhan dijangka disokong oleh pelaksanaan projek pelaburan baharu dan yang sedang dilaksanakan berikutan prospek global dan dalam negeri yang lebih baik. Khususnya, hasrat pelaburan kekal positif, seperti yang dicerminkan oleh jumlah pelaburan diluluskan yang mencapai paras tertinggi sebanyak RM330 bilion pada tahun 2023 (2022: RM268 bilion). Pelaburan ini tertumpu terutamanya pada subsektor produk E&E serta maklumat dan komunikasi (*information and communications technology,* ICT). Yang penting, kemajuan projek yang diluluskan dalam beberapa tahun kebelakangan ini berada pada landasan yang betul, dengan 74% projek perkilangan yang diluluskan dari tahun 2021 hingga 2023 telah siap atau sedang dalam pelaksanaan. Tambahan lagi, nilai kerja pembinaan peringkat awal yang tinggi (2023: RM31.5 bilion; 2022: RM26.3 bilion) menunjukkan prospek pelaburan yang positif pada masa hadapan.

Gambar Rajah 1: Kesan limpahan positif daripada pelaburan pemangkin dan bidang tumpuan di bawah pelan induk negara yang utama



Rujukan: Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu (New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030), pelbagai aliran berita, Bank Negara Malaysia

Nota: Senarai inisiatif NETR dan NIMP tidak menyeluruh

Bagi tahun ketiga secara berturut-turut, pelaburan awam diunjurkan berkembang melangkaui pertumbuhan purata sebelum COVID-19 (2024*r*: 6.2%; purata 2011–19: -0.2%). Hal ini dijangka didorong oleh Kerajaan Am dan syarikat awam. Pelaburan ini termasuk projek infrastruktur berskala besar yang sedang dilaksanakan, seperti Laluan Rel Pantai Timur (East Coast Rail Link, ECRL), Lebuhraya Pan Borneo dan Rapid Transit System Link (RTS Link). Perbelanjaan aset tetap Kerajaan disalurkan terutamanya kepada projek pengangkutan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Di samping itu, pelaburan pemangkin di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dalam bidang seperti tenaga boleh diperbaharui, mobiliti hijau serta pemerolehan, penggunaan dan penyimpanan karbon (*carbon capture, utilisation and storage,* CCUS) akan memberikan sokongan selanjutnya kepada pertumbuhan.

Penggunaan awam dianggarkan berkembang sebanyak 3.2% (2023: 3.9%). Pertumbuhan akan terus disokong oleh perbelanjaan emolumen berikutan kenaikan gaji tahunan untuk penjawat awam dan lantikan baharu dalam sektor awam. Walau bagaimanapun, perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana, selaras dengan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan.

Pengembangan dalam kebanyakan sektor ekonomi

Dari segi penawaran, kebanyakan sektor diunjurkan berkembang pada tahun 2024. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan keseluruhan.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (2015 = 100)

	2023*a*	2023*a*	2024*r*	2023*a*	2024*r*
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)[1]	
Perkhidmatan	59.2	5.3	5.5	3.1	3.3
Perkilangan	23.4	0.7	3.5	0.2	0.8
Pertanian	6.4	0.7	-0.5	0.0	0.0
Perlombongan dan pengkuarian	6.2	1.0	3.5	0.1	0.2
Pembinaan	3.6	6.1	6.7	0.2	0.2
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**100.0**[1]	**3.7**	**4.0 - 5.0**	**3.7**	**4.0 - 5.0**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Sektor *perkhidmatan* diunjurkan berkembang sebanyak 5.5% (2023: 5.3%), didorong terutamanya oleh peningkatan dalam subsektor berkaitan perniagaan. Pemulihan dalam permintaan luaran dan pelaksanaan projek pembinaan swasta serta awam yang berterusan akan menyokong subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta subsektor pengangkutan dan penyimpanan. Selain itu, pelancaran liputan rangkaian 5G yang lebih luas dan peningkatan langganannya akan memacu pertumbuhan dalam subsektor maklumat dan komunikasi. Subsektor berkaitan pengguna akan terus meraih manfaat daripada aktiviti pelancongan yang terus pulih. Sebahagian daripada pemulihan ini akan didorong oleh pelaksanaan perjalanan tanpa visa selama 30 hari bagi warganegara China dan India serta perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan berikutan pasaran pekerja yang bertambah baik.

Sektor *perkilangan* dijangka berkembang sebanyak 3.5% (2023: 0.7%), disokong oleh pemulihan dalam industri berorientasikan eksport dan pertumbuhan berterusan dalam kelompok berorientasikan dalam negeri. Pengeluaran E&E diunjurkan meningkat semula dengan sederhana pada separuh pertama tahun 2024 dengan pemulihan yang lebih kukuh dijangka pada separuh kedua. Hal ini didorong oleh kitaran teknologi global yang menaik, berikutan peningkatan permintaan luaran terhadap litar bersepadu dan semikonduktor yang berkaitan dengan trend mega (*megatrends*) teknologi seperti pendigitalan, Objek Rangkaian Internet (Internet of Things), rangkaian 5G dan kenderaan elektrik.

Kelompok keluaran berkaitan sumber dijangka berkembang dengan stabil. Hal ini akan disokong oleh keadaan bekalan huluan yang bertambah baik bersama-sama dengan peningkatan pengeluaran di salah satu loji penapisan minyak utama di Johor. Pertumbuhan kelompok berkaitan pengguna akan terus disokong oleh aktiviti pelancongan yang terus pulih dalam keadaan jualan kenderaan yang semakin normal. Sementara itu, kelompok berkaitan pembinaan dijangka meraih manfaat daripada projek-projek pelaburan jangka panjang yang terus dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, sektor *pertanian* dijangka menguncup sebanyak 0.5% (2023: 0.7%), kerana keadaan cuaca kering yang dikaitkan dengan El Niño dan kesan kurang pembajaan pada tahun-tahun terdahulu akan menyebabkan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, latihan berterusan dalam kalangan pekerja asing akan menyokong pengeluaran melalui produktiviti yang lebih tinggi. Cuaca buruk juga boleh menjejaskan subsektor pertanian lain seperti penanaman padi dan perikanan.

Sektor *perlombongan* dianggarkan berkembang pada kadar yang lebih cepat (3.5%; 2023: 1%), didorong oleh pertambahan pengeluaran di telaga minyak dan gas sedia ada. Peningkatan pengeluaran di telaga-telaga minyak utama di Sarawak akan memacu pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, peningkatan pengeluaran di Blok SK320 dan permulaan operasi telaga gas baharu di Sarawak akan memacu pengeluaran gas asli yang lebih tinggi. Hal ini akan lebih daripada mengimbangi kehilangan keluaran akibat penutupan telaga untuk tujuan penyelenggaraan dan penurunan pengeluaran di telaga-telaga minyak yang matang.

Pertumbuhan yang lebih tinggi dijangka dalam sektor *pembinaan* (6.7%; 2023: 6.1%), didorong oleh aktiviti berterusan dalam subsektor kejuruteraan awam, pertukangan khas dan kediaman. Pertumbuhan ini akan disokong oleh projek infrastruktur besar dan projek berskala kecil yang baharu serta yang sedang dilaksanakan di bawah Belanjawan 2024, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan 2030, NIMP 2030). Sementara itu, pertumbuhan dalam subsektor kediaman akan didorong oleh pelancaran perumahan baharu berikutan permintaan perumahan yang semakin bertambah baik.

Pertumbuhan eksport dan import akan kembali meningkat pada tahun 2024

Eksport kasar Malaysia dijangka pulih dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5% pada tahun 2024 (2023: -8%). Pemulihan ini disokong oleh aktiviti perdagangan global yang lebih tinggi, pemulihan kitaran teknologi global dan harga komoditi yang lebih tinggi.

Eksport perkilangan, yang mencakupi 85% daripada jumlah eksport Malaysia, diunjurkan berkembang sebanyak 4.7% (2023: -6.7%). Perkembangan ini disokong oleh segmen E&E dan bukan E&E yang semakin baik. Peningkatan eksport E&E akan didorong terutamanya oleh pemulihan kitaran teknologi global.[1] Hal ini sejajar dengan permintaan yang lebih tinggi bagi litar bersepadu dan semikonduktor berikutan penggunaan trend mega teknologi (contohnya kecerdasan buatan, kenderaan elektrik, 5G) yang berterusan. Pemulihan eksport bukan E&E akan disokong oleh peningkatan permintaan daripada ekonomi serantau dan keadaan bekalan dalam negeri yang bertambah baik.[2]

Eksport komoditi dijangka berkembang sebanyak 6.5% pada tahun 2024 (2023: -16.2%). Eksport pertanian akan didorong terutamanya oleh harga minyak sawit mentah yang lebih tinggi kerana bekalan minyak sawit global yang dipengaruhi oleh keadaan cuaca buruk, khususnya daripada fenomena cuaca El Niño. Pertumbuhan eksport mineral akan disokong oleh harga dan pengeluaran minyak dan gas yang lebih tinggi.

[1] Pada bulan November 2023, World Semiconductor Trade Statistics (WSTS) mengunjurkan pertumbuhan sebanyak 13.1% bagi jualan semikonduktor global pada tahun 2024 (2023: -8.2%; purata 2011–19: 4.1%)

[2] Hal ini termasuk penyempurnaan penyelenggaraan loji dan peningkatan kapasiti pengeluaran dalam segmen huluan (*upstream*) dan hiliran (*downstream*) di bahagian Sabah dan Sarawak serta Johor, yang menyokong eksport produk petrokimia.

Jadual 1

Perdagangan Luar Negeri

	Purata 2015–19	2023*a*	2023*r*
	Perubahan tahunan (%)		
Eksport kasar *antaranya:*	**5.6**	**-8.0**	**5.0**
Perkilangan	7.6	-6.7	4.7
Pertanian	-0.6	-22.1	9.7
Mineral	-3.1	-10.1	3.6
Import kasar *antaranya:*	**4.7**	**-6.4**	**5.4**
Barangan modal	1.2	7.1	7.7
Barangan pengantara	3.1	-12.1	5.6
Barangan penggunaan	8.4	0.1	4.6
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**109.5**	**214.1**	**220.3**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Unjuran eksport tertakluk pada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Hal ini berpunca terutamanya daripada kegiatan ekonomi rakan perdagangan utama yang lebih lemah daripada jangkaan, gangguan pengeluaran komoditi dalam negeri yang tidak dijangka serta konflik geopolitik yang semakin meruncing. Walau bagaimanapun, limpahan peningkatan kitaran teknologi global yang lebih kukuh daripada jangkaan dapat memberikan sokongan tambahan terhadap eksport Malaysia.

Import kasar diunjurkan berkembang sebanyak 5.4% pada tahun 2024 (2023: -6.4%) selaras dengan eksport yang lebih tinggi dan permintaan dalam negeri yang semakin meningkat. Peningkatan import barangan perantaraan disokong oleh pemulihan pertumbuhan eksport perkilangan. Sementara itu, import barangan penggunaan dan barangan modal akan terus berkembang, disokong oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi.

Akaun semasa imbangan pembayaran akan mencatatkan lebihan yang lebih tinggi

Akaun semasa imbangan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan yang lebih tinggi antara 1.8% hingga 2.8% daripada KDNK pada tahun 2024. Lebihan ini merupakan peningkatan berbanding dengan 1.2% daripada KDNK pada tahun 2023 yang merupakan imbangan akaun semasa paling rendah pernah dicatatkan sejak tahun 1997 (-5.9%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh lebihan barangan yang lebih tinggi dan defisit akaun perkhidmatan yang lebih rendah.

Akaun barangan diunjurkan untuk mencatatkan lebihan yang lebih tinggi berikutan pemulihan pertumbuhan eksport yang lebih daripada mengimbangi pemulihan pertumbuhan import. Sementara itu, akaun perkhidmatan dijangka mencatatkan defisit yang lebih kecil. Hal ini disebabkan terutamanya oleh lebihan yang lebih tinggi dalam akaun perjalanan berikutan ketibaan pelancong yang terus pulih ke paras sebelum pandemik pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, akaun perkhidmatan secara keseluruhan dijangka kekal dalam defisit. Hal ini mencerminkan kebergantungan yang berterusan terhadap perkhidmatan asing, khususnya dalam segmen pengangkutan.

Peningkatan dalam akaun barangan dan perkhidmatan dijangka melebihi defisit yang berterusan dalam akaun pendapatan primer. Hal ini didorong oleh pembayaran pendapatan terakru yang berterusan kepada pelabur asing di Malaysia berikutan pendapatan eksport yang semakin baik. Akaun pendapatan sekunder juga dijangka kekal dalam defisit, disebabkan terutamanya oleh pengiriman wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing.

Jadual 2

Akaun Semasa dalam Imbangan Pembayaran[1]

Butiran (Bersih)	2023*a*	2024*r*
	RM bilion	
Barangan	132.9	163.8
Perkhidmatan	-41.9	-40.9
Pendapatan primer	-55.1	-68.3
Pendapatan sekunder	-13.2	-13.2
Imbangan akaun semasa *% daripada KDNK*	**22.8** *1.2*	**41.5** *1.8-2.8*

[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Keluaran potensi dan jurang keluaran ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah paras keluaran tertinggi tanpa tekanan inflasi yang boleh dihasilkan dalam sesebuah ekonomi. Keluaran potensi menunjukkan landasan pertumbuhan ekonomi yang mampan berdasarkan faktor-faktor pengeluaran semasa (iaitu tenaga kerja dan modal) serta produktiviti.

Pada tahun 2023, keluaran potensi[1] berkembang sebanyak 3.7% (2022: 4.2%; purata 2011–19 : 4.9%). Pengembangan yang sederhana ini didorong oleh pengumpulan modal yang lebih perlahan sejajar dengan aktiviti pelaburan yang lebih sederhana (2023: 5.5%; 2022: 6.8%), serta pertumbuhan produktiviti faktor menyeluruh (*total factor productivity,* TFP) yang lebih rendah. Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh pengembangan penyertaan tenaga kerja (2023: 70%; 2022: 69.3%), berikutan kadar pengangguran yang kembali ke tahap sebelum pandemik.

Jurang keluaran kekal negatif pada tahun 2023 (-0.2%; 2022: -0.1%)[2] meskipun keluaran sebenar mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.7% (2022: 8.7%), iaitu kadar yang serupa dengan pertumbuhan dalam keluaran potensi. Hal ini disebabkan terutamanya oleh tahap keluaran potensi yang lebih tinggi berbanding dengan tahap keluaran sebenar.

Bergerak kehadapan, jurang keluaran dijangka bertukar positif pada tahun 2024. Meskipun keluaran potensi diunjurkan berkembang antara 3.5% hingga 4.5%, pertumbuhan keluaran sebenar sebanyak 4% hingga 5% diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih cepat, disokong oleh pengembangan permintaan dalam negeri yang berterusan serta permintaan luaran yang bertambah baik. Pada jangka sederhana, keluaran potensi akan terus disokong oleh pelaburan yang lebih tinggi dan peningkatan dalam produktiviti berikutan pelaksanaan berterusan beberapa projek pelaburan berbilang tahun serta pelan induk nasional seperti NIMP 2030 dan NETR dengan unjuran kadar pertumbuhan sebanyak 4% hingga 5%. Hal ini sekali gus mengembalikan pertumbuhan kepada tahap sebelum krisis.

[1] Potensi keluaran diperoleh melalui purata daripada beberapa metodologi termasuk Fungsi Pengeluaran, model Laubach-Williams, model Real Business Cycle, model Kalman Filter dan model DSGE.

[2] Jurang keluaran secara formal ditakrifkan sebagai $\frac{\text{(Paras keluaran sebenar - Paras keluaran potensi)}}{\text{Paras keluaran potensi}} \times 100\%$.

Rajah 1: Keluaran Sebenar dan Potensi

Tahun	Pertumbuhan Tahunan Keluaran Potensi (%)
2022	4.2
2023*a*	3.7
2024*r*	3.5-4.5



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Keperluan Pembaharuan Pasaran Pekerja di Malaysia: Cabaran dan Peluang

Hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara berproduktiviti tinggi dan berpendapatan tinggi menghadapi halangan yang ketara iaitu isu berkaitan struktur dalam pasaran pekerja yang berlarutan. Usaha sedia ada untuk menangani cabaran ini seharusnya dipuji namun masih tidak mencukupi. Tindakan yang lebih tegas diperlukan. Trend mega yang baru muncul dan berterusan serta pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik negara menjadikan pembaharuan pasaran pekerja semakin mendesak.

Rencana ini membincangkan keperluan pembaharuan pasaran pekerja di Malaysia. Dimulakan dengan gambaran keseluruhan landskap pasaran pekerja Malaysia, rencana ini membuat perbandingan antara tempoh sebelum dan selepas COVID-19. Seterusnya, rencana ini menyorot trend mega utama yang akan mewujudkan cabaran serta peluang pada tahun-tahun akan datang. Rencana ini diakhiri dengan perbincangan tentang pembaharuan dasar struktur utama bagi menangani cabaran yang sedia ada dan menyediakan pasaran pekerja untuk masa hadapan.

Bahagian I: Landskap pasaran pekerja pada tempoh sebelum dan selepas COVID-19

Pandemik ini telah mengakibatkan gangguan yang ketara pada pasaran pekerja dengan kadar pengangguran mencapai paras tertingginya pada 5.1% pada suku kedua tahun 2020. Kesan ini amat ketara bagi segmen ekonomi yang mudah terjejas seperti wanita dan belia. Sejak langkah-langkah pembendungan ditamatkan sepenuhnya pada tahun 2022, pasaran pekerja Malaysia telah menunjukkan pemulihan yang stabil.

Menjelang akhir tahun 2023, kadar pengangguran telah kembali pada kadar sebelum pandemik (purata tahun 2015–19) iaitu pada 3.3%. Di samping itu, kadar penyertaan tenaga kerja telah melepasi paras tertinggi yang pernah dicatatkan sebelum ini. Perkembangan positif ini telah didorong terutamanya oleh peningkatan kadar penyertaan yang ketara bagi lelaki. Hal ini mencerminkan sebahagiannya peningkatan peluang bagi pekerjaan gig (*gig work*) berasaskan lokasi seperti perkhidmatan penghantaran makanan dan e-panggilan (*e-hailing*). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga kerja wanita juga telah melebihi tahap sebelum COVID-19 dan terus meningkat meskipun kadar peningkatan adalah lebih perlahan[1] berbanding dengan kadar penyertaan lelaki.

Jadual 1

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (% daripada penduduk umur bekerja)

	Jumlah	Mengikut Jantina		Mengikut pencapaian pendidikan	
		Lelaki	Perempuan	Menengah	Tertiari
Sebelum pandemik (Purata 2017-19)	68.3	80.4	55.2	68.1	69.0
Selepas pandemik (Purata 2021-22)	69.0	81.4	55.7	67.5	72.7

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

[1] Hal ini disebabkan oleh penyertaan wanita yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan yang bertemu pengguna dan berhubung rapat dengan pelanggan, serta peningkatan keperluan terhadap peruntukan untuk keluarga dan penjagaan anak semasa pandemik.

Yang penting, terdapat permintaan yang lebih tinggi terhadap pekerja berkemahiran tinggi[2] selepas COVID-19.[3] Antara suku keempat tahun 2019 hingga suku keempat tahun 2023, bilangan pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga meningkat sebanyak 6.6% daripada 2.05 juta orang kepada 2.19 juta orang. Seiring dengan perkembangan ini, bahagian pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga juga meningkat sedikit sejak pandemik (purata 2021–23: 24.9%; purata 2017–19: 24.3%). Trend ini didorong oleh sektor perkhidmatan, khususnya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit. Hal ini disebabkan oleh peningkatan permintaan terhadap golongan profesional dalam perniagaan dan pentadbiran,[4] apabila lebih banyak syarikat melancarkan platform e-dagang, menggunakan media sosial untuk pemasaran, menjalankan analitik data untuk meningkatkan kecekapan dan menggunakan sistem automasi dan digital.

Rajah 1: Jawatan Diisi Mengikut Kemahiran



Sumber: Statistik Guna Tenaga oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Meskipun permintaan semakin meningkat, pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi di Malaysia masih lagi rendah. Kadar peningkatan pekerjaan berkemahiran tinggi masih ketinggalan berbanding dengan purata bilangan graduan baharu dalam tenaga kerja. Antara tahun 2018 hingga 2019, graduan baharu dalam tenaga kerja adalah kira-kira dua kali peningkatan pekerjaan berkemahiran tinggi. Jurang ini menjadi lebih besar selepas pandemik (Rajah 2). Malaysia juga ketinggalan di belakang ekonomi maju dan serantau terpilih dari segi bahagian pekerjaan berkemahiran tinggi (Rajah 3).

Rajah 2: Peningkatan Siswazah dalam Tenaga Kerja dan Pewujudan Jawatan Berkemahiran Tinggi



Nota: Pewujudan jawatan berkemahiran tinggi ditakrifkan sebagai peningkatan jumlah penduduk yang bekerja sebagai pengurus, profesional serta juruteknik dan profesional bersekutu.

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh dan Statistik Siswazah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

[2] Ditakrifkan sebagai pekerjaan yang memerlukan pendidikan tinggi (Sumber: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (Malaysia Standard Classification of Occupations, MASCO) 2020).
[3] Analisis mengenai guna tenaga mengikut kemahiran dan sektor yang dibentangkan dalam rencana ini adalah berdasarkan Statistik Guna Tenaga yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik ini memberikan dimensi data yang diperlukan untuk penilaian tersebut.
[4] Contoh termasuk kewangan, pembangunan sumber manusia, perhubungan awam, pemasaran, jualan serta teknologi dan pengurusan maklumat dan komunikasi.

Rajah 3: Pekerjaan Berkemahiran Tinggi sebagai Sebahagian daripada Jumlah Guna Tenaga pada Tahun 2022



Sumber: ILOSTAT, Laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Yang membimbangkan, sebilangan besar kumpulan graduan yang sedia ada dinilai sebagai tidak sesuai untuk melakukan pekerjaan berkemahiran tinggi yang sedia ada. Syarikat-syarikat terus menghadapi kesukaran untuk mengisi jawatan pekerjaan berkemahiran tinggi (Rajah 4) dalam pelbagai sektor ekonomi. Hal ini menunjukkan ketidakpadanan bidang pengajian atau kekurangan kemahiran insaniah (*soft skills*) yang diperlukan untuk pekerjaan itu, tetapi tidak semestinya diperoleh daripada pendidikan formal dan kelayakan akademik (Bank Dunia, 2023). Sebagai contoh, 55.7% syarikat melaporkan bahawa mereka menghadapi kesukaran mencari pekerja yang mempunyai kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik (Rajah 5).

Pewujudan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang tidak mencukupi bersama-sama dengan ketidakpadanan kemahiran telah menyumbang kepada guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang tinggi (purata 2021–22: 38.4%; purata 2018–19: 33.8%)[5] yang meluas. Keadaan ini merujuk mereka yang berpendidikan tinggi tetapi bekerja dalam pekerjaan separa mahir serta berkemahiran rendah. Secara keseluruhan, guna tenaga masih tertumpu terutamanya pada segmen separa mahir[6] selepas COVID-19. Lebih 70% pekerjaan dalam sektor pertanian, pembinaan dan perkilangan adalah dalam kategori separa mahir.

Rajah 4: Bahagian Syarikat yang Menyatakaan Kesukaran untuk Memenuhi Permintaan terhadap Pekerja Berkemahiran Tinggi, Mengikut Aktiviti Ekonomi



Nota: Sektor pertanian merujuk kepada pertanian komersial yang ditakrifkan sebagai aktiviti ekonomi di sepanjang rantaian nilai pertanian yang berorientasikan pasaran.

Sumber: World Bank Business Pulse Surveys 2022

Rajah 5: Bahagian Syarikat yang Mengalami Kesukaran Mencari Tenaga Kerja Berkemahiran Khusus



Sumber: World Bank's Productivity of the Investment Climate Private Enterprise Surveys (PICS)-3 2019-20

[5] Merujuk individu dengan guna tenaga tidak penuh daripada jumlah individu bekerja yang mempunyai pendidikan tinggi.
[6] Ditakrifkan sebagai pekerjaan yang memerlukan pendidikan menengah atau selepas menengah (Sijil Kemahiran Malaysia tahap 1 dan tahap 2 atau setaraf) (Sumber: MASCO 2020).

Sejak pandemik, gaji median benar bagi setiap pekerja telah ketinggalan di belakang pertumbuhan produktiviti (Rajah 6). Jurang produktiviti-gaji yang ketara ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor perkhidmatan. Tambahan pula, bahagian pampasan pekerja dalam pendapatan di Malaysia adalah jauh lebih rendah berbanding dengan kebanyakan ekonomi maju. Hal ini menandakan bahawa secara relatif, pekerja menerima bahagian hasil ekonomi yang agak kecil (Rajah 7).[7]

Rajah 6: Gaji Benar Penengah vs Produktiviti per Pekerja



Nota: Gaji benar penengah dianggarkan dengan mendeflasikan gaji nominal penengah dengan Indeks Harga Pengguna. Produktiviti ditakrifkan sebagai nilai tambah benar per pekerja.

Sumber: Laporan Survei Upah dan Gaji, Indeks Harga Pengguna dan Statistik Produktiviti Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 7: Pampasan Pekerja pada Tahun 2022



Nota: Data pada 6 Mac 2024. Data KDNK adalah tertakluk pada semakan semula.

Sumber: CEIC, Jabatan Perangkaan Malaysia, pihak berkuasa negara, dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan berkaitan dengan gaji graduan baharu[8] lebih membimbangkan. Selepas pandemik, median gaji permulaan adalah lebih 20% lebih rendah berbanding dengan median pada tahun 2019 (2019: RM 2,066; 2022: RM 1,624). Hal ini mengisyaratkan bahawa premium gaji[9] untuk graduan baharu telah menurun secara mendadak selepas COVID-19 (Rajah 8). Keadaan ini sebahagiannya mungkin mencerminkan guna tenaga tidak penuh bagi graduan berkemahiran tinggi sedia ada (seperti dibincangkan sebelum ini), yang memburukkan lagi kuasa tawar-menawar pekerja yang sudah sedia lemah.

Rajah 8: Gaji Penengah Siswazah Baharu & Semua Pekerja Berumur Bawah 24 Tahun (dalam RM) dan Premium Gaji Siswazah Baharu



Sumber: Laporan Survei Gaji dan Upah, dan Statistik Siswazah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

[7] Untuk butiran lanjut, sila rujuk rencana 'Adakah Pekerja Malaysia Dibayar Gaji Sewajarnya?: Penilaian dari Aspek Produktiviti dan Kesaksamaan' dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2018 .
[8] Diwakili graduan yang berumur bawah 24 tahun.
[9] Dikira sebagai nisbah gaji median graduan berumur bawah 24 tahun kepada gaji median untuk semua pekerja berumur bawah 24 tahun.

Bahagian II: Trend mega utama yang mempengaruhi pasaran pekerja

Beberapa trend mega utama global dan dalam negeri boleh mengganggu dan memburukkan lagi beberapa isu pasaran pekerja yang sedia ada di Malaysia. Kemajuan teknologi akan mengubah cara seseorang bekerja; pekerjaan tertentu akan dihapuskan atau diubah suai dan pekerjaan baharu boleh diwujudkan. Bagi jangka pendek dan sederhana, penggunaan automasi dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) generatif yang lebih meluas boleh menggantikan pekerjaan berkemahiran rendah dan tugas rutin pada semua peringkat kemahiran. Dianggarkan menjelang tahun 2030, automasi boleh menggantikan sehingga 4.5 juta pekerjaan di Malaysia (Mckinsey & Company, 2020). Bagi Malaysia, risiko pekerjaan digantikan oleh automasi adalah paling tinggi dalam sektor pertanian dan perkilangan (Rajah 9). Sementara itu, AI generatif dijangka menjejaskan pekerja berpengetahuan kolar putih yang menjalankan tugasan melibatkan analisis data, pengecaman corak dan membuat keputusan rutin (Mckinsey Global Institute, 2023).

Rajah 9: Bahagian Pekerja yang Menghadapi Risiko Automasi yang Tinggi



Nota: Anggaran risiko automasi adalah berdasarkan metodologi Frey dan Osborne (2013). Anggaran ini merupakan had atas risiko automasi kerana metodologi ini menganggap keseluruhan pekerjaan boleh diautomasi dan bukannya tugas yang berbeza dalam sesuatu pekerjaan. Pekerjaan dengan risiko automasi sebanyak 70% ke atas dianggap sebagai menghadapi risiko automasi yang tinggi.

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan data daripada Laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia serta Frey dan Osborne (2013)

Meskipun terdapat kemungkinan gangguan pekerjaan, kemajuan teknologi turut mempunyai limpahan positif kepada pekerjaan. Pelbagai jenis pekerjaan berkemahiran tinggi yang dilengkapi AI[10] mempunyai potensi besar untuk peningkatan produktiviti. Selain itu, automasi bagi tugas berulang membolehkan pekerja memberikan tumpuan pada tugas yang memiliki nilai lebih tinggi. Pekerjaan baharu terutamanya yang memerlukan kemahiran khusus untuk menguruskan teknologi dan AI akan diwujudkan. Teknologi baharu juga memudahkan peningkatan aturan kerja yang fleksibel lantas menggalakkan penyertaan tenaga kerja yang lebih tinggi, terutamanya dalam kalangan wanita, serta menggalakkan mobiliti tenaga kerja yang lebih besar. Hasil positif ini akan membuahkan pendapatan yang lebih tinggi untuk negara.

Trend mega yang lebih terkini ialah penyusunan semula rantaian bekalan. Pandemik COVID-19 telah mendorong syarikat untuk melaksanakan *nearshoring* atau *reshoring*[11] bagi mengurangkan risiko syarikat menghadapi gangguan rantaian bekalan (International Labour Organization, 2022). Kesan peralihan rantaian bekalan ke atas pasaran pekerja tidak jelas buat masa ini dan bergantung pada pelbagai faktor.[12] Bagi negara pengeksport seperti Malaysia, guna tenaga dalam sektor perkilangan akan terjejas, terutamanya operator mesin dan juruteknik berkemahiran rendah dalam industri bernilai tambah rendah dan intensif pekerja (Barcia de Mattos, Dasgupta, Jiang, Kucera, & Schiavone, 2020). Pekerja seperti ini paling berisiko untuk digantikan kerana mereka tidak boleh menukar pekerjaan lain dengan mudah jika syarikat memindahkan proses pengeluaran mereka secara besar-besaran dari negara pengeksport itu.

[10] Pekerjaan dengan pendedahan tinggi kepada AI termasuk peguam, akauntan dan juruaudit. (Koschar, 2023; Webb, 2019).
[11] Nearshoring adalah apabila syarikat menempatkan semula pengeluaran lebih dekat kepada pelanggan akhir bagi memudahkan langkah-langkah kontingensi apabila berlaku kejutan yang tidak dijangka. Reshoring bermaksud penempatan semula ke tapak pengeluaran utama di dalam negeri, terutamanya dalam perkilangan.
[12] Faktor termasuk, antara lain, ketersediaan teknologi yang meningkatkan produktiviti di negara asal, perlindungan harta intelek, kawalan kualiti, akses pasaran dan pengurangan risiko. (Barcia de Mattos, Dasgupta, Jiang, Kucera, & Schiavone, 2020).

Tatkala dunia berusaha untuk menjadi bebas karbon, industri Malaysia perlu mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil dan meningkatkan kecekapan tenaga bagi mengekalkan daya saing perdagangan.[13] Apabila industri pencemar atau berintensif karbon berkurang, tenaga kerja yang kebanyakannya kurang mahir dalam industri ini berkemungkinan tidak dapat beralih dengan pantas kepada ekonomi hijau. Di Amerika Syarikat, bukti empirikal menunjukkan bahawa pekerja dalam bidang bukan hijau (*non-green worker*) menghadapi cabaran untuk beralih kepada pekerjaan dalam bidang hijau kerana hal tersebut secara asasnya memerlukan set kemahiran yang berbeza (Bergant, Mano & Shibata, 2022). Sebaliknya, akan wujud pekerjaan berkemahiran tinggi serta pengkhususan tinggi yang baharu bagi memenuhi keperluan ekonomi hijau.[14] Pekerjaan berkemahiran sederhana dan berkemahiran tinggi dengan kemahiran dan tugasan yang berkaitan juga akan dipertingkatkan.[15]

Perubahan sosiodemografi juga akan membentuk masa hadapan pasaran pekerja. Penduduk Malaysia semakin menua dengan pantas dan dijangka menjadi penduduk berusia (*aged society*) dalam tempoh kira-kira dua dekad dari sekarang.[16] Hal ini boleh menyebabkan kekangan modal insan kerana populasi umur bekerja utama semakin mengecil dan nisbah tanggungan umur tua meningkat sekali ganda[17] dalam tempoh 30 tahun akan datang. Jika majoriti tenaga kerja kekal bekerja dalam pekerjaan separa mahir tanpa diiringi oleh peningkatan penggunaan teknologi, tenaga kerja yang semakin berkurang[18] yang tidak dipenuhi melalui imigrasi, boleh menyebabkan potensi pertumbuhan yang lebih perlahan atau negatif.

Namun begitu, penduduk yang semakin berusia juga boleh menyumbang kepada peningkatan dalam ekonomi penjagaan seperti profesional di pusat jagaan orang tua dan pengurusan perkhidmatan sosial. Beberapa negara dengan masyarakat berusia dan lebih maju seperti Korea Selatan, Jerman dan Jepun telah merekodkan peningkatan dalam pekerjaan bidang penjagaan jangka panjang secara formal (Rajah 10) (Jones, 2020; OECD, 2021).

Bagi memanfaatkan peluang ini, terdapat beberapa soalan penting yang perlu difikirkan oleh perumus dasar. Apakah bentuk pekerjaan dan kemahiran pada masa akan datang? Bagaimanakah bantuan boleh diberikan kepada pekerja untuk menyesuaikan diri dengan peralihan ekonomi yang sedang berlaku? Dan bagaimanakah punca pendapatan pekerja boleh dijamin dalam iklim ekonomi sebegini?

Rajah 10: Pekerjaan Penjagaan Jangka Panjang Formal



Sumber: OECD

[13] Untuk butiran lanjut, sila rujuk rencana 'Mengemudi Peralihan Ekonomi Malaysia Ke Arah Masa Hadapan Bebas Karbon' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari Bank Negara Malaysia 2022.
[14] Contoh termasuk pakar perubahan iklim.
[15] Contoh termasuk arkitek yang dilengkapi pengetahuan dan berkemahiran dalam bangunan hijau.
[16] Mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), takrifan 'penduduk yang semakin berusia' (*ageing society*) adalah apabila 7% daripada populasi berumur ≥65 tahun, manakala 'penduduk berusia' (*aged society*) adalah apabila bahagiannya ialah 14%. Dengan menggunakan data PBB, Malaysia telah mencapai takrifan penduduk yang semakin berusia pada tahun 2021 dan dijangka mencapai takrifan penduduk berusia pada tahun 2042. (Sumber: Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Bank Dunia dan Jabatan Perangkaan Malaysia).
[17] Dianggarkan sebagai nisbah bilangan warga emas pada umur apabila mereka secara amnya tidak aktif dari segi ekonomi (iaitu 65 tahun ke atas), berbanding dengan bilangan individu umur bekerja (iaitu 15-64 tahun).
[18] Bahagian penduduk umur bekerja Malaysia (berumur 15-64 tahun) dijangka menurun daripada 70% pada 2023 kepada 66% daripada jumlah penduduk menjelang tahun 2050. Hal ini mencerminkan bilangan penduduk tua yang lebih besar disebabkan oleh meningkatnya tahap lanjut usia, dalam keadaan kadar kesuburan yang berkurang. (Sumber: Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu).

Pandangan Peringkat Syarikat Hasil daripada Libat Urus BNM dengan Industri

Teknologi sebagai gangguan utama trend mega untuk masa depan pekerjaan

- Berdasarkan libat urus BNM dengan industri,[19] lebih separuh daripada syarikat mengenal pasti kemajuan teknologi (seperti automasi dan AI) sebagai trend mega yang paling penting dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang (Rajah 11).
  - o Hal ini paling menonjol dalam industri perkilangan, terutamanya dalam kelompok E&E, serta sektor perkhidmatan.
  - o Sementara itu, kelestarian terutamanya disebut oleh syarikat-syarikat dalam sektor pembinaan, pertanian dan perlombongan. Sektor-sektor ini secara kebetulan merupakan beberapa industri yang pelepasan karbonnya sukar dihentikan.[20]

Rajah 11: Trend Mega Paling Penting yang Boleh Menjejaskan Tenaga Kerja



Nota: Trend mega lain termasuk keseimbangan kerja-kehidupan, penduduk yang semakin berusia, penyertaan tenaga kerja wanita, penghijrahan cendekiawan dan pemewilayahan perdagangan.

Sumber: Pengawasan Ekonomi Wilayah (Regional Economic Surveillance, RES), Bank Negara Malaysia

Respons bercampur-campur mengenai kesan trend mega ke atas permintaan pekerja oleh syarikat pada masa hadapan

- Secara keseluruhan, kebanyakan syarikat sama ada percaya bahawa trend mega boleh memansuhkan pekerjaan (43%) atau tidak memberikan kesan (43%) kepada permintaan syarikat terhadap pekerja dalam tempoh lima tahun akan datang.
- Kebanyakan syarikat yang menyebut pemansuhan pekerjaan merupakan syarikat dalam sektor perkilangan, yang memberi contoh peralihan daripada tugas berintensif pekerja dan pentadbiran.
  - o Sebagai contoh, dalam industri E&E, AI dan peralatan ujian automatik boleh menggantikan pemeriksaan manual pada produk akhir yang pada masa ini dilakukan oleh pekerja.
- Walau bagaimanapun, banyak syarikat dalam sektor perkhidmatan menjangkakan tiada kesan secara bersih. Hal ini jelas dilihat dalam industri hospitaliti dan runcit yang mementingkan interaksi antara manusia.

[19] Berdasarkan temu bual lapangan dan libat urus dengan 61 syarikat. Kebanyakannya dalam sektor perkhidmatan (51%) dan perkilangan (33%), serta syarikat bukan PKS (87%).

[20] Industri yang sukar beralih kepada keadaan bebas karbon berikutan kebergantungan yang besar terhadap bahan api fosil sebagai bahan mentah dan tenaga dalam proses perkilangan mereka. Berdasarkan International Energy Agency (IEA), tiga kriteria untuk mengenal pasti sektor yang sukar dihentikan ialah: (i) aset modal jangka panjang; (ii) keperluan suhu tinggi untuk proses pengeluaran; dan (iii) pertimbangan perdagangan. Di Malaysia, sektor-sektor yang dikenal pasti terdiri daripada industri minyak dan gas, minyak sawit, pembinaan, keluli, simen dan bahan kimia.

Percambahan peranan dan permintaan kemahiran baharu susulan trend mega

- Dengan teknologi disebut sebagai trend mega utama, syarikat menjangkakan bahawa permintaan terhadap kemahiran IT dan celik digital pada masa hadapan akan meningkat sekali gus mewujudkan pekerjaan berkaitan teknologi yang baharu.
  - Sebagai contoh, ahli profesional dalam bidang kejuruteraan yang khusus, pengatur cara atau juruteknik untuk mengendalikan teknologi atau perisian canggih.
  - Beberapa syarikat menyatakan keperluan yang lebih besar terhadap penganalisis data dan saintis data untuk pengurusan rantaian bekalan dan pengoptimuman pengeluaran dalam industri logistik serta perkilangan.
- Sesetengah syarikat menjangkakan permintaan yang lebih tinggi untuk peranan berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environmental, Social and Governance, ESG) seperti perunding bangunan hijau (sektor pembinaan), pakar perdagangan karbon (sektor perlombongan) dan secara umumnya, pasukan kelestarian korporat dalam syarikat.

Syarikat terus bergantung pada kurikulum latihan dalaman untuk bersedia menghadapi masa depan pekerjaan

- Dalam peralihan ke arah keperluan tenaga kerja baharu, kebanyakan syarikat akan melatih semula atau meningkatkan kemahiran kakitangan supaya mereka boleh dipindahkan ke jawatan lain jika perlu, sekali gus meminimumkan risiko digantikan.
- Namun begitu, beberapa syarikat (20%) belum melaksanakan sebarang strategi peralihan kerana mereka tidak menjangkakan perubahan segera terhadap tenaga kerja yang disebabkan oleh trend mega (Rajah 12).
- Dalam hal ini, lebih banyak tindakan boleh dilakukan bagi membantu syarikat mengambil langkah proaktif untuk bersedia menghadapi masa depan pekerjaan berikutan trend mega yang sedang muncul. Trend mega tersebut mungkin memberikan kesan yang ketara terhadap operasi perniagaan syarikat dan strategi pengambilan pekerja pada masa hadapan.

Rajah 12: Strategi Semasa dan Masa Hadapan untuk Menguruskan Peralihan Tenaga Kerja



Nota: Berdasarkan maklum balas daripada temu bual dan libat urus dengan 44 firma.

Sumber: Pengawasan Ekonomi Wilayah, Bank Negara Malaysia

Bahagian III: Pembaharuan dasar pasaran pekerja

Pelaksanaan langkah pembaharuan dengan berhati-hati dan strategik adalah sangat penting dalam usaha menangani isu struktur sedia ada serta meminimumkan kos sementara dan pada masa yang sama memaksimumkan peluang daripada trend mega. Bahagian ini membincangkan lima strategi utama yang akan memudahkan peralihan kepada tenaga kerja yang tangkas, berdaya tahan dan bersedia untuk masa hadapan.

Strategi 1: Menangani ketidakpadanan kemahiran dalam pasaran pekerja

Satu kaedah yang berkesan untuk menangani ketidakpadanan kemahiran adalah dengan menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara Kerajaan, industri dan ahli akademik dalam meningkatkan kualiti sukatan pelajaran pengajian tinggi dan latihan tenaga kerja. Khususnya, industri perlu digalakkan dan diberikan peluang untuk memainkan peranan yang lebih besar. Hal ini kerana mereka lebih maklum tentang trend, teknologi dan produk industri terkini serta kemahiran kritikal yang perlu dimiliki oleh pekerja bagi memenuhi keperluan industri. Pemahaman ini amat penting dalam mengubah kurikulum pengajian tinggi untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal yang mantap malah turut mempunyai kemahiran kognitif dan insaniah yang kukuh.

Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (Penang Skills Development Centre, PSDC), sebuah program latihan tiga pihak dalam industri E&E di Malaysia yang menggunakan rangka kerja kerjasama dalam peningkatan kemahiran dan latihan semula tenaga kerja telah terbukti berkesan[21] dalam meningkatkan kualiti latihan serta produktiviti. Di bawah rangka kerja ini, Kerajaan memberikan akreditasi kepada program latihan dan pendanaan untuk inisiatif PSDC terpilih; industri mengenal pasti kemahiran dan hasil pembelajaran untuk dijadikan panduan bagi menghasilkan kandungan modul latihan serta bengkel. Selain itu, ahli akademik bekerjasama dengan industri dalam usaha melatih semula dan melatih bakal pekerja untuk pengambilan seterusnya. Model ini boleh dikembangkan dan dicontohi oleh sektor-sektor lain. Begitu juga dengan Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor (Selangor Human Resource Development Centre, SHRDC) yang merupakan satu lagi model perkongsian tiga pihak yang memberikan tumpuan pada pembangunan tenaga mahir untuk Revolusi Perindustrian Keempat (Fourth Industrial Revolution, 4IR). Dalam model ini, latihan disediakan oleh SHRDC secara langsung kepada pekerja syarikat. Terdapat juga merit dalam menggalakkan lebih banyak syarikat besar untuk berkongsi pengetahuan dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Sebagai contoh, di Korea Selatan, National Human Resources Development Consortium menyediakan insentif kewangan untuk syarikat besar, persatuan perniagaan dan universiti bagi menubuhkan konsortium dengan PKS serta berkongsi kepakaran mereka dalam latihan vokasional, peralatan dan juga kemudahan latihan (OECD, 2020).

Walaupun usaha dihalakan untuk membangunkan program latihan yang diperlukan, rangka kerja penilaian berstruktur perlu disediakan bagi menilai keberkesanan inisiatif latihan. Hal ini membolehkan perumus dasar mengenal pasti program yang tidak berkesan, meneliti semula dan menambah baik program sedia ada serta membantu membentuk program baharu demi menangani jurang sedia ada (Dar, 2002).

Strategi 2: Meningkatkan kemahiran tenaga kerja untuk masa hadapan

Berikutan anjakan ekonomi yang berterusan, dasar peningkatan kemahiran perlu membolehkan pekerja berpindah dan menyesuaikan diri serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Oleh itu, sistem latihan universal dengan fokus individu boleh diwujudkan untuk memastikan setiap individu yang layak bekerja memiliki akses kepada kursus latihan walaupun tanpa ikatan rasmi dengan majikan. Hal ini menjadi pelengkap kepada model latihan berfokuskan majikan, iaitu majikan membuat keputusan latihan berdasarkan keperluan perniagaan. Sebagai contoh, SkillsFuture Credit Singapura iaitu subsidi yang diberikan kepada semua warga Singapura berumur 25 tahun ke atas untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dengan menyediakan akses mudah bagi para pekerja mendapatkan latihan dan pendidikan pada semua peringkat umur serta peringkat kerjaya, termasuk semasa dalam tempoh krisis.

Selain itu, pendekatan yang dipacu oleh data untuk mengenal pasti kemahiran dan pekerjaan yang baharu bagi memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang pesat sangat penting untuk dibangunkan. Analisis daripada ekonomi-ekonomi maju juga bermanfaat untuk membuat jangkaan tentang kemungkinan gangguan dalam pasaran pekerja tempatan pada masa hadapan. Usaha sedemikian adalah sangat penting untuk membimbing peralihan dalam program

[21] Pada tahun 2021, 41% graduan PSDC berjaya mendapatkan pekerjaan (Penang2030, 2022).

latihan supaya kekal relevan dan bagi individu dalam mengenal pasti kemahiran atau pengetahuan yang perlu diperoleh untuk memenuhi keperluan ekonomi baharu. Kini, terdapat inisiatif sedia ada yang menggariskan jenis kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk pekerjaan yang berbeza.[22] Inisiatif-inisiatif ini bermanfaat tetapi boleh diselaraskan lagi melalui penghasilan satu standard kecekapan kebangsaan untuk kemahiran dan pengetahuan. Lebih penting lagi, standard kecekapan perlu dikemas kini secara berterusan untuk memasukkan keperluan industri baharu.

Strategi 3: Mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi
Dalam jangka masa pendek, galakan penggunaan automasi dan pendigitalan yang lebih meluas dalam kalangan syarikat terutamanya PKS adalah sangat penting. Usaha pengautomasian dan pendigitalan secara langsung akan mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi seperti juruteknik serta pakar IT. Tambahan pula, penggunaan teknologi yang lebih meluas akan meningkatkan produktiviti syarikat dan meningkatkan keupayaan mereka untuk beralih kepada aktiviti bernilai tambah yang lebih tinggi. Hal ini seterusnya akan mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi dan bergaji tinggi.

Pada jangka masa lebih panjang, usaha untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi demi mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi yang lebih mampan dan organik juga penting. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai pelan tindakan, termasuk Dasar Pelaburan Baharu (New Investment Policy, NIP), Pelan Induk Perindustrian Baharu (New Industrial Master Plan, NIMP) 2030[23] dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR). Inisiatif strategik nasional ini akan menggalakkan kegiatan ekonomi dengan kerumitan dan produktiviti yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, demi merealisasikannya, pelaksanaan rancangan nasional ini perlu disegerakan dengan pemantauan yang sewajarnya dan kajian semula berkala bagi memastikan hasil yang dihasratkan tercapai.

Strategi 4: Merangka dasar berhubung dengan pekerja asing yang selaras dengan keperluan pembangunan
Dalam jangka pendek, cabaran utama yang dihadapi adalah untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing yang berkemahiran rendah dan bergaji rendah. Kerajaan bercadang untuk menangani isu ini menggunakan Mekanisme Levi Pelbagai Peringkat (Multi-Tier Levy Mechanism, MTLM).[24] Walau bagaimanapun, peralihan ini perlu dilaksanakan secara teratur bagi mengelakkan gangguan yang ketara dalam aktiviti perniagaan. Oleh itu, langkah pelengkap bagi menyokong syarikat untuk mengautomasikan dan menggunakan teknologi adalah penting semasa tempoh peralihan.

Dalam jangka sederhana dan panjang, kajian semula yang menyeluruh tentang dasar imigrasi perlu dilaksanakan bagi memastikan keperluan pekerja Malaysia dapat dipenuhi. Kekurangan profesional berkemahiran tinggi tertentu seperti jurutera perlombongan dan pakar ICT mungkin mengekang pengembangan dalam bidang pertumbuhan tinggi yang terpilih. Dasar yang disasarkan untuk menarik tenaga kerja asing yang berkemahiran tinggi mungkin diperlukan untuk mengisi jurang dalam sektor yang bekalan pekerja berkemahiran tingginya tidak mencukupi. Sejajar dengan ini, pewujudan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi (seperti yang dihuraikan dalam Strategi 3) dan pemindahan pengetahuan daripada pekerja asing kepada pekerja tempatan akan melindungi kepentingan pekerja tempatan.

Strategi 5: Pampasan yang adil dan perlindungan sosial untuk pekerja
Usaha-usaha juga perlu dilaksanakan bagi memastikan pekerja dibayar gaji yang setimpal dengan produktiviti mereka. Dasar gaji sedia ada perlu dipertingkatkan. Dasar gaji minimum semasa tidak dapat menaikkan upah pekerja berkemahiran tinggi terutamanya graduan berikutan isu ketidaksepadanan dan guna tenaga tidak penuh. Langkah pelaksanaan gaji minimum yang berbeza mengikut tahap kemahiran yang boleh meningkatkan gaji minimum bagi graduan boleh dipertimbangkan. Sebagai contoh, di Slovakia, pekerjaan dibahagikan kepada enam kategori mengikut tahap kemahiran dengan gaji minimum yang lebih tinggi dibayar kepada pekerja dalam pekerjaan berkemahiran lebih tinggi.

---

[22] Sebagai contoh, taksonomi Malaysian Skills, Occupation, Qualification, and Competencies (MSOC) yang dibangunkan oleh PERKESO untuk pekerjaan yang berbeza, Rangka Kerja Kemahiran Industri oleh HRD Corp untuk industri terpilih dan Pendaftaran Kemahiran Nasional oleh TalentCorp.
[23] Di bawah NIMP, Misi 2 menggariskan strategi-strategi khusus untuk menyediakan penyelesaian automasi dan pendigitalan yang menyeluruh serta praktikal dan berkhususkan syarikat yang sejajar dengan kesediaan dan keperluan PKS.
[24] Seperti yang dinyatakan dalam Belanjawan 2024. Sistem levi pelbagai peringkat untuk pekerja asing akan dilaksanakan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing. Kadar levi yang lebih tinggi akan dikenakan kepada majikan yang mempunyai tenaga kerja asing yang besar.

Penambahbaikan terhadap Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (Productivity-Linked Wage System, PLWS) semasa, yang bertujuan untuk mewujudkan hubung kait yang lebih rapat antara upah dan produktiviti juga sama penting. Memandangkan kadar pelaksanaan yang rendah,[25] penggunaan sistem penarafan bintang[26] kepada majikan PLWS boleh meningkatkan daya tarikan dasar serta menggalakkan persaingan dalam kalangan syarikat. Di samping itu, kajian semula yang kerap dan konsisten perlu dijalankan bagi memastikan bahawa ukuran antara upah dengan produktiviti adalah selaras dengan penanda aras industri dan taraf hidup terkini.

Peringkat rintis Dasar Gaji Progresif (Progressive Wage Model, PWM) yang akan dilaksanakan pada bulan Jun 2024 juga boleh membantu menaikkan upah. Dasar ini membantu menangani kegagalan pasaran dengan mendorong syarikat swasta untuk menawarkan gaji dengan lebih kompetitif termasuk untuk graduan baharu dengan menggalakkan gaji pada peringkat permulaan yang lebih tinggi. Namun begitu, penyelesaian ini bersifat sementara. Bagi meningkatkan upah secara mampan dalam jangka masa panjang, isu berlarutan yang mempengaruhi permintaan dan penawaran guna tenaga perlu ditangani. Hal ini termasuk pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi dan menangani ketidakpadanan kemahiran seperti yang dihuraikan dalam strategi sebelum ini.

Akhir sekali, rangka kerja perlindungan sosial semasa perlu mempertimbangkan bentuk pekerjaan baharu dalam sektor tidak formal seperti pengaturan kerja yang fleksibel dan pekerjaan gig. Pendaftaran universal dalam skim insurans sosial seperti di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan PERKESO boleh menjadi pelopor kepada pengambilan insurans sosial yang lebih meluas dalam sektor tidak formal.

Pengajaran daripada Ekonomi Global Mengenai Pembaharuan Pasaran Pekerja

Tatkala Malaysia memulakan perjalanan pembaharuan pasaran pekerja, perumus dasar perlu mengambil pengajaran daripada amalan-amalan terbaik negara lain. Tindakan ini akan membantu memastikan kejayaan pelaksanaan pembaharuan ini.

[25] Pada masa ini, sistem PLWS hanya meliputi sekitar enam juta pekerja atau kira-kira 39% jumlah guna tenaga.
[26] Syarikat akan dinilai berdasarkan pelbagai kriteria, termasuk mempunyai amalan yang terbaik dan adil dalam penetapan gaji. Hal ini akan menjadi isyarat kepada bakal pekerja dan membantu menarik pekerja.

Jadual 2: Contoh Dasar Berkaitan Dengan Pasaran Pekerja Merentas Negara

Negara	Dasar merentas negara
Strategi 1: Menangani ketidakpadanan kemahiran dalam pasaran pekerja	
Korea 	National Human Resources Development Consortium (juga dikenali sebagai program CHAMP) menggalakkan kerjasama antara industri, ahli-ahli akademik dan Kerajaan. • CHAMP menyediakan insentif kewangan untuk syarikat besar, persatuan perniagaan dan universiti menubuhkan konsortium dengan PKS dan berkongsi pengetahuan dalam latihan vokasional, kelengkapan, dan kemudahan latihan.
Strategi 2: Meningkatkan kemahiran tenaga kerja untuk masa hadapan	
Singapura 	SkillsFuture Singapura membangunkan dan mengemas kini program latihan berpandukan trend baru muncul merentas industri. • SkillsFuture merupakan inisiatif kebangsaan untuk melengkapi rakyat Singapura dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk pekerjaan pada masa depan melalui pelbagai program seperti latihan, bimbingan kerjaya dan pemetaan peralihan pekerjaan.
UK 	UK National Occupational Standards berfungsi sebagai standard kecekapan kebangsaan yang ditentukan oleh industri dan sentiasa dikemas kini. • UK National Occupational Standards ialah dokumen yang menjelaskan tentang kemahiran, pengetahuan dan kefahaman serta kriteria prestasi untuk menjadi cekap dalam sesuatu pekerjaan. Senarai ini dikemas kini secara berkala bagi mengambil kira trend baru muncul dan dihimpunkan melalui perundingan dengan industri.
Strategi 3: Mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi	
Singapura 	Program SMEs Go Digital membantu PKS yang sedang mendigitalkan perniagaan mereka dengan sokongan yang disesuaikan mengikut keperluan. • Menyediakan penyelesaian yang disesuaikan kepada PKS yang berada pada peringkat pembangunan yang berbeza. *PKS yang baharu dalam pendigitalan, disediakan dengan penyelesaian pendigitalan asas seperti perisian perakaunan dan penggajian. PKS yang lebih maju disediakan dengan inisiatif yang canggih seperti penyertaan dalam platform e-dagang untuk mengembangkan pasaran ke luar negara tanpa memerlukan kehadiran secara fizikal.* • Menyediakan akses kepada kumpulan perunding digital yang dikongsi bersama kepada PKS, untuk khidmat nasihat digital dan pengurusan projek. *Perkhidmatan ini termasuk analisis keperluan digital, khidmat nasihat risiko keselamatan siber asas, membangunkan pelan pelaksanaan projek pendigitalan dan menguruskan kemajuan projek.*
Jerman 	Mittelstand 4.0 Centres of Excellence menyediakan bantuan yang sangat mudah diakses dan praktikal kepada PKS di seluruh negara. • Mewujudkan titik hubungan serantau untuk PKS dari peringkat awal hingga akhir dalam peralihan pendigitalan mereka. *Pusat Kecemerlangan ini membantu membangunkan pelan hala tuju pendigitalan yang khusus kepada syarikat, memberikan sokongan ketika syarikat melaksanakan strategi mereka dan memberikan khidmat nasihat teknikal berhubung dengan daya maju ekonomi bagi strategi yang digunakan oleh syarikat.* • Semua pembelajaran dan demonstrasi dimodelkan berdasarkan syarikat sebenar dengan hasil sebenar. *Setiap daripada 29 pusat di wilayah yang berbeza di seluruh Jerman mempunyai kilang demonstrasi yang membolehkan syarikat menguji penyelesaian teknikal mereka, seperti rantaian pengeluaran yang dikawal oleh perisian. Ciri ini membolehkan syarikat mendapatkan gambaran yang realistik tentang sejauh mana teknologi digital dapat mengubah operasi syarikat mereka.*
Strategi 4: Merangka dasar berhubung dengan pekerja asing yang selaras dengan keperluan pembangunan	
Australia 	Strategi Migrasi Australia memperkenalkan dasar migrasi yang selaras dengan keutamaan Australia dan menarik kemasukan tenaga mahir. • Strategi migrasi yang dipandu oleh objektif utama negara, termasuk untuk mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat. *Strategi Migrasi ini bertujuan untuk memperkenalkan laluan visa baharu yang bakal membantu meningkatkan produktiviti, menangani keperluan penduduk yang semakin berusia, peralihan hijau dan digital dengan menggalakkan kemasukan pekerja asing yang berkemahiran.* • Dasar pekerja asing yang mewujudkan kesaksamaan dalam pasaran pekerja *Nilai ambang pendapatan Kemasukan Pekerja Mahir yang Sementara telah dipertingkat, yang memastikan syarikat tidak menyalahgunakan dasar ini untuk mengambil pekerja berkemahiran rendah. Terdapat juga rancangan untuk memperkenalkan visa kerja yang tidak terikat dengan majikan, yang membolehkan pekerja asing bertukar kerja apabila berlaku eksploitasi.*
Strategi 5: Pampasan yang adil dan perlindungan sosial untuk pekerja	
India 	Aadhar mempertingkatkan kerangkuman dan liputan perlindungan sosial dengan menggunakan akaun digital yang dipautkan kepada ID kebangsaan untuk perlindungan dan penghantaran bantuan. • Pendaftaran warganegara India dalam Aadhar secara automatik telah memudahkan penggemblengan bantuan kepada pekerja tidak formal dan dari jarak jauh. Program ini mencapai kadar penembusan sebanyak 99% daripada penduduk dan saling boleh dikendalikan merentas 29 set data untuk pelaksanaan berbilang program.

Sumber: Pihak berkuasa negara

Kesimpulan

Pengalaman COVID-19 telah menunjukkan bahawa gangguan pasaran pekerja boleh meningkat dengan pantas dalam tempoh yang singkat, terutamanya semasa kejutan ekonomi. Pada masa yang sama, trend mega yang baru muncul telah mengubah dan mengganggu pasaran pekerja. Kesan negatif faktor-faktor ini terhadap prospek guna tenaga dan pendapatan boleh menjadi lebih teruk berikutan halangan struktur yang sedang berlaku dalam pasaran pekerja.

Namun, trend mega juga menyediakan pelbagai peluang kepada pekerja termasuk meningkatkan pendapatan mereka, sekiranya isu-isu struktur ditangani. Oleh itu, hal ini memerlukan desakan pembaharuan yang menyeluruh terhadap pasaran pekerja Malaysia. Strategi dasar perlu mempunyai tujuan untuk mengurangkan ketidakpadanan kemahiran, meningkatkan kemahiran tenaga kerja untuk masa hadapan, mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi, mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah serta bergaji rendah, menarik tenaga kerja asing yang berkemahiran tinggi, dan akhirnya, menaikkan upah serta pendapatan rakyat.

Langkah yang perlu dilaksanakan kini adalah mempercepat pelaksanaan inisiatif strategik negara yang akan menyediakan peluang pekerjaan bergaji tinggi. Pada masa yang sama, inisiatif yang meningkatkan daya tahan tenaga kerja diperlukan berikutan prospek ekonomi yang sangat mencabar. Kos dan cabaran sementara pada jangka pendek tidak dapat dielakkan. Oleh itu, langkah-langkah proaktif boleh dilaksanakan untuk membantu mereka yang terkesan atau mudah terjejas disebabkan oleh perubahan yang muncul susulan pembaharuan pasaran pekerja.

Rujukan

Australian Government Treasury (2023). *Our Roadmap for a dynamic and inclusive labour market.* Retrieved from Australian Government Treasury: https://treasury.gov.au/sites/default/files/2023-09/p2023-447996-09-roadmap.pdf

Bank Dunia. (2023). *Raising the Tide, Lifting All Boats, Malaysia Economic Monitor (October).* Kuala Lumpur: World Bank.

Bank Negara Malaysia. (2022). *Mengemudi Peralihan Ekonomi Malaysia Ke Arah Masa Hadapan Bebas Karbon.* Dipetik daripada Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2022.

Bank Negara Malaysia. (2018). *Adakah Pekerja Malaysia Dibayar Gaji Sewajarnya?: Penilaian dari Aspek Produktiviti dan Kesaksamaan.* Dipetik daripada Laporan Tahunan 2018.

Barcia de Mattos, F., Dasgupta, S., Jiang, X., Kucera, D., & Schiavone, A. F. (2020). *Robotics and reshoring: employment implications for developing countries.* Geneva: International Labour Organization.

Bergant, K., Mano, R., & Shibata, I. (2022). *From Polluting to Green Jobs: A Seamless Transition in the U.S.?* International Monetary Fund.

Dar, A. (2002). *Impact Evaluation : Techniques for Evaluating Active Labor Market Programs.* World Bank.

International Labour Organization. (2022). *World Employment and Social Outlook: Trends 2022.* Geneva: International Labour Office.

Jones, K. (2020). *These countries are aging the fastest - here's what it will mean.* Retrieved from World Economic Forum : https://www.weforum.org/agenda/2020/02/ageing-global-population/

Kochhar, R. (2023). *Which U.S. Workers Are More Exposed to AI on Their Jobs?* Pew Research Centre.

Mckinsey & Company. (2020). *Automation and adaptability: How Malaysia can navigate the future of work.* Mckinsey & Company.

Mckinsey Global Institute. (2023). *The Economic Potential of Generative AI.* McKinsey & Company.

OECD. (2020). *"Why adult learning is important for Korean SMEs?", in Enhancing Training Opportunities in SMEs in Korea.* Paris: OECD Publishing.

OECD. (2021). *Long-term care workforce: caring for the ageing population with dignity.* OECD.

Penang2030. (8 June, 2022). *PSDC's School Leavers Programme Paves the Way for a Successful Career.* Retrieved from penang2030.com: https://penang2030.com/2022/06/psdcs-school-leavers-programme-paves-the-way-for-a-successful-career/#:~:text=According%20to%20the%20graduate%20tracer,studies%20simultaneously%20with%20their%20employment.

Webb, M. (2019). *The Impact of Artificial Intelligence on the Labor Market.* Available at SSRN 3482150.

Ringgit dalam Perspektif

Pergerakan kadar pertukaran dipengaruhi oleh hubung kait faktor jangka pendek dan jangka panjang yang rumit. Dalam jangka masa pendek, kitaran turun naik ekonomi dalam negeri dan global, perbezaan kadar faedah dan perkembangan geopolitik boleh memberi kesan terhadap kadar pertukaran. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa lebih panjang, kadar pertukaran berteraskan penentu asas seperti produktiviti pekerja sesebuah negara secara relatif, persekitaran pelaburan dan daya saing ekonomi keseluruhan.

Pergerakan ringgit terkini sejak tahun 2022 dilihat banyak dipengaruhi terutamanya oleh faktor kitaran. Faktor jangka pendek yang utama ialah dasar monetari yang diketatkan secara agresif oleh US Federal Reserve (Fed) dan jangkaan pasaran kewangan yang berubah-ubah berikutan prospek dasar monetari Amerika Syarikat. Fed menaikkan kadar dasar sebanyak 525 mata asas terkumpul sepanjang tempoh tahun 2022 hingga 2023 bagi menangani tekanan inflasi yang semakin tinggi dalam persekitaran selepas pandemik. Seterusnya, permintaan terhadap dolar AS meningkat dengan ketara dan menyebabkan kenaikan nilai dolar yang pantas dan kukuh serta penurunan nilai dalam kebanyakan mata wang serantau, termasuk ringgit.[1] Banyak negara lain, termasuk di rantau ini, turut menaikkan kadar faedah dasar dengan kadar yang lebih besar daripada Malaysia, lantas menyebabkan kenaikan sedikit nilai mata wang negara tersebut berbanding ringgit.

Dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, asas ekonomi Malaysia kekal kukuh. Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dengan trend inflasi yang menurun. Selain itu, sektor luaran Malaysia telah menunjukkan daya tahan, seperti yang dicatatkan oleh lebihan akaun semasa, tahap hutang luar negeri yang terurus, kedudukan aset luaran bersih dan rizab antarabangsa yang mencukupi. Dengan itu, pada kadar pertukaran semasa, ringgit berada di bawah nilai saksama.

Memandangkan faktor-faktor luaran ini bersifat jangka pendek, pasaran kewangan menjangkakan tekanan terhadap ringgit akan berkurang. Kerajaan Malaysia dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) telah mempergiat usaha untuk menggalakkan pendapatan pelaburan asing dibawa balik dan ditukarkan kepada ringgit oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies, GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Investment Companies, GLIC). GLIC dan GLC juga patut melindung nilai aset mata wang asing mereka untuk menguruskan dedahan mata wang asing dengan lebih baik. Hal ini adalah tindakan tambahan selain daripada sesi libat urus yang dipertingkatkan dengan pelabur dan syarikat. BNM berbincang dan berinteraksi secara aktif dengan pengeksport pemastautin dan memantau penukaran hasil eksport mereka kepada ringgit kerana aktiviti penukaran mempunyai kesan terhadap kadar pertukaran. Semua tindakan ini menyumbang kepada aliran masuk yang lebih besar dan berterusan, lantas menyokong nilai ringgit yang lebih kukuh. BNM juga terus menyarankan penggunaan mata wang tempatan yang lebih meluas apabila menyelesaikan pembayaran eksport atau import sama ada melalui Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan (Local Currency Settlement Framework) atau saluran perbankan koresponden biasa bagi mengurangkan pergantungan kepada dolar AS. Secara amnya, BNM juga telah mempergiat libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pemilik perniagaan, penganalisis pasaran kewangan dan ahli-ahli politik untuk memperdalam lagi pemahaman tentang cabaran yang dihadapi dalam persekitaran ini dan juga untuk berkongsi pandangan dan tindak balas BNM dalam menguruskan tekanan terhadap ringgit.

Melangkaui langkah-langkah jangka pendek ini, Kerajaan sedang melaksanakan pembaharuan struktur yang akan memastikan kemampanan fiskal, bidang pertumbuhan baharu lantas menyebabkan potensi pertumbuhan yang meningkat serta produktiviti pekerja dan daya saing yang lebih baik. Kebanyakan pembaharuan ini telah dinyatakan dengan jelas dalam rangka kerja ekonomi Kerajaan, dokumen Bajet Kerajaan Persekutuan dan dalam pelan induk ekonomi Malaysia, iaitu Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan, NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR). Kerajaan juga terus komited untuk memastikan kemampanan fiskal melalui beberapa inisiatif pembaharuan fiskal termasuk Akta Kewangan Awam dan

[1] Indeks Dolar AS (DXY) yang mengukur nilai dolar AS berbanding euro, yen Jepun, pound sterling, dolar Kanada, krona Sweden dan franc Switzerland, meningkat sebanyak 5.9% sepanjang tempoh tahun 2022 hingga 2023.

Tanggungjawab Fiskal (Public Finance and Fiscal Responsibility, FRA) dan Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (Medium-Term Fiscal Framework, MTFF), serta usaha untuk memperluas dan mempelbagaikan asas hasil dan pengoptimuman perbelanjaan, seperti melalui pendekatan subsidi yang lebih bersasar. Pelaksanaan pembaharuan ini dijangka membawa masuk aliran pelaburan yang lebih banyak ke Malaysia, lantas menyokong nilai ringgit dengan lebih berkekalan dalam jangka masa panjang.